

11/05/1998

KLIA dirasmi pada 29 Jun

PETALING JAYA, Ahad - Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berharga RM9 bilion yang dimulakan pembinaannya empat tahun lalu akan dirasmikan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, 29 Jun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan dasar mengenai matlamat dan aspirasi pembinaan KLIA di Sepang, selatan ibu kota selepas perasmian disempurnakan, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Serentak itu, KLIA akan mengambil alih fungsi Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (L TSAAS) pada jam 12 tengah malam hari berkenaan selepas proses pemindahan peralatan dimulakan 24 jam sebelumnya.

KLIA mulanya dijadualkan beroperasi 1 Januari lalu tetapi ditunda pada akhir April berikutan masalah sistem pengkomputeran terminal itu.

Jawatankuasa Kabinet mengenai KLIA kemudian memutuskan operasinya ditunda kepada Jun.

Dr Ling berkata, jawatankuasa yang dianggotai Jabatan Perdana Menteri (JPM), KLIA Berhad, Jabatan Penerbangan Awam (JPA atau DCA) dan Kementerian Pengangkutan sudah bersedia mengendalikan upacara perasmian.

Agiplan, sebuah syarikat perunding dari Jerman yang bertanggungjawab menguruskan pengambilalihan Lapangan Terbang Munich tidak lama dahulu, membantu melicinkan tugas jawatankuasa yang mengadakan mesyuarat dua hari lalu.

"Semua persediaan yang dimulakan sejak 30 bulan lalu adalah mengikut jadual perancangan dan tidak ada masalah bagi menepati tarikh perasmian," katanya.

(END)